



## UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN PERLIS

Universiti Teknologi MARA dengan ini mempelawa calon-calon **Warganegara Malaysia** yang berkelayakan dalam bidang-bidang yang berkaitan untuk mengisi kekosongan jawatan Akademik secara Tetap di **Universiti Teknologi MARA Cawangan Perlis, Kampus Arau**.

### 1. JAWATAN PENSYARAH UiTM (GRED DM45) / PENSYARAH KANAN (GRED DM51) / PROFESOR MADYA (GRED DM 53) / PROFESOR (GRED KHAS C)

Klasifikasi Perkhidmatan : Perkhidmatan Pendidikan  
Kumpulan Perkhidmatan : Pengurusan Dan Profesional

### 2. JADUAL GAJI MINIMUM-MAKSIMUM

GRED GAJI	GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM
<b>DM 45 (Pensyarah)</b>	RM 3,070.00	RM 11,095.00
<b>DM 51 (Pensyarah Kanan)</b>	RM 5,855.00	RM 12,445.00
<b>DM 53 (Prof. Madya)</b>	RM 6,162.00	RM 13,235.00
<b>Profesor (Gred Khas C) : VK7</b>	RM 7,676.00	RM 20,592.00

### 3. FAKULTI / BIDANG

GUGUSAN SAINS & TEKNOLOGI
<b>Fakulti Perladangan &amp; Agroteknologi</b> <ul style="list-style-type: none"><li>▪ Perlindungan Tanaman</li></ul>
<b>Fakulti Sains Sukan &amp; Rekreasi</b> <ul style="list-style-type: none"><li>▪ Sains Sukan</li></ul>

#### 4. SYARAT-SYARAT KELAYAKAN

##### i. Kelayakan Untuk Lantikan Ke Gred DM45 (Pensyarah)

- (a) (i) Ijazah Sarjana dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
  - (ii) Ijazah Sarjana Muda Seni Bina **dan** Diploma Lanjutan dalam bidang berkenaan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar penuh dengan Lembaga Arkitek Malaysia; atau
  - (iii) Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
- (b) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

##### ii. Kelayakan Untuk Lantikan Ke Gred DM51

- (c) (i) memiliki kelayakan seperti di perenggan (a) dan (b) di atas;
- (ii) membuktikan tahap kecemerlangan akademik yang istimewa mutunya; dan
- (iii) mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang-bidang yang berkenaan.

##### iii. Kelayakan Untuk Lantikan Ke Gred DM53 (Profesor Madya)

- (d) (i) memiliki kelayakan seperti di perenggan (a) dan (b) di atas;
- (ii) membuktikan tahap kecemerlangan akademik yang sangat istimewa mutunya; dan
- (iii) mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang-bidang yang berkenaan.

##### iv. Kelayakan Untuk Lantikan Ke Gred Khas C (Profesor)

- (e) (i) memiliki kelayakan seperti di perenggan (a) dan (b) di atas;
- (ii) membuktikan tahap kecemerlangan akademik yang terkemuka mutunya; dan
- (iii) mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang-bidang yang berkenaan.

## PERHATIAN KEPADA PEMOHON

1. Calon-calun lantikan terus hendaklah berumur **tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan.**
2. Permohonan dari mereka yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan atau Badan-Badan Berkanun **MESTILAH MELALUI KETUA JABATAN** dan hendaklah disertakan dengan **SALINAN KENYATAAN PERKHIDMATAN YANG DIKEMAS KINI.**
3. Setiap permohonan **MESTILAH** disertai bersama **SALINAN** dokumen berikut yang telah **DISAHKAN:**
  - **Kad Pengenalan**
  - **Sijil SPM/MCE, HSC/STPM atau setaraf**
  - **Diploma, Ijazah Sarjana Muda, Sarjana, PhD (Skrol dan Trankskrip Akademik Terperinci)**
  - **Surat Pengiktirafan Kelayakan Akademik daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)**
  - **Surat Pengesahan Perkhidmatan dari majikan sedia ada/terdahulu untuk mengambilkira pengalaman kerja/ penetapan gaji**
  - **Salinan Kenyataan Perkhidmatan yang dikemaskini (bagi kakitangan kerajaan/Badan Berkanun/separa kerajaan yang sedang berkhidmat)**
4. Nama bidang dan fakulti yang dipohon hendaklah dinyatakan di penjurong atas sebelah kiri sampul surat permohonan.
5. Keutamaan hanya diberi kepada calon-calon yang memiliki **Ijazah Sarjana/Ph.D dengan CGPA 3.00 dan ke atas/ Kelas Kedua Tinggi di peringkat Ijazah Sarjana Muda.**
6. Borang yang tidak lengkap dan permohonan calon dari jabatan kerajaan/badan berkanun/separa kerajaan yang tidak memohon melalui majikan **tidak akan diproses.**
7. Hanya permohonan yang layak dan disenarai pendek akan dipanggil untuk temu duga.
8. Pemohon-pemohon yang tidak menerima jawapan selepas **enam (6) bulan** dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya.
9. Pemohon-pemohon mestilah bersedia untuk berkhidmat di UiTM Cawangan Perlis.

## CARA-CARA MEMBUAT PERMOHONAN

- (a) Permohonan hendaklah dibuat menggunakan **Borang Perjawatan Akademik Universiti Teknologi MARA.** Borang dan syarat-syarat permohonan boleh diperolehi dengan melayari laman sesawang UiTM Cawangan Perlis di <http://perlis.uitm.edu.my> atau boleh diperolehi di Bahagian Pentadbiran, Universiti Teknologi MARA Cawangan Perlis, Kampus Arau.
- (b) Tarikh tutup permohonan ialah pada hari **RABU, 31 JANUARI 2018.**
- (c) Sila kemukakan permohonan kepada:



**UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA**

**TIMBALAN PENDAFTAR KANAN  
BAHAGIAN PENTADBIRAN  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
CAWANGAN PERLIS  
KAMPUS ARAU  
02600 ARAU  
PERLIS  
NO.TEL: (04- 9882000 / 2207 / 2209 / 2210)**